

## KAEDAH FUZZY DELPHI: REKABENTUK MODEL BAHASA ARAB UNTUK PERUNDANGAN ISLAM MELALUI INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

### *The Fuzzy Delphi Method: Designing an Arabic Language Model for Islamic Legislation Through the Integration of Naqli and Aqli Knowledge*

Ummu-Hani Abas<sup>1a\*</sup>, Mohammad Najib Jaffar<sup>2b</sup> Abdul Manan Ismail<sup>3c</sup>; Azlan Shaiful  
Baharum<sup>4d</sup>, Ahmad Asyraf Mat Ali<sup>5e</sup>, dan Rasmina Hasbullah<sup>6f</sup>.

<sup>a</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: [ummuhani@usim.edu.my](mailto:ummuhani@usim.edu.my)<sup>1</sup>

<sup>b</sup>Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM)

Emel: [najib@usim.edu.my](mailto:najib@usim.edu.my)<sup>2</sup>

<sup>c</sup>Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM)

Emel: [manan@usim.edu.my](mailto:manan@usim.edu.my)<sup>3</sup>

<sup>d</sup>Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM)

Emel: [azlan\\_arab@usim.edu.my](mailto:azlan_arab@usim.edu.my)<sup>4</sup>

<sup>e</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM)

Emel: [asyrafali@usim.edu.my](mailto:asyrafali@usim.edu.my)<sup>5</sup>

<sup>f</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM)

Emel: [rasminal@usim.edu.my](mailto:rasminal@usim.edu.my)<sup>6</sup>

\*Corresponding Author: [ummuhani@usim.edu.my](mailto:ummuhani@usim.edu.my)

Received: 16 November 2023

Accepted: 11 January 2024

Published: 31 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.571>

Abstrak	Abstract
<p>Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap kandungan yang diperlukan bagi mereka bentuk pembangunan Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kaedah Fuzzy Delphi dengan soal selidik tujuh skala likert. Pengkaji mendapatkan konsensus 1 orang pakar dari bidang bahasa Arab dan 2 orang pakar dari bidang Syariah dan Undang- Undang. Borang selidik mengandungi tiga elemen; (i) Kesepakatan pakar secara umum berkenaan tahap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan</p>	<p>This study aims to obtain an expert consensus on the content required to design the development of an Arabic Language Model for Islamic Law through the Integration of Naqli and Aqli Knowledge. This study uses a quantitative method which is the Fuzzy Delphi method with seven likert scale questionnaire. The researchers obtained the consensus of 1 expert from the field of Arabic and 2 experts from the field of Sharia and Law. The questionnaire contains three elements; (i) Expert agreement in general regarding the level of knowledge of the Arabic language required by students of the Shariah &amp; Law Department, (ii) Expert agreement regarding</p>

<p>oleh pelajar Jurusan Syariah &amp; Undang-Undang, (ii) Kesepakatan pakar mengenai keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi Dalalah Nahwiyyah dalam pembinaan Hukum, (iii) Kesepakatan pakar mengenai keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Balaghah dan Fungsi Dalalah Balaghiyyah dalam pembinaan Hukum. Dapatan kajian berdasarkan konsensus pakar terhadap hampir kesemua item adalah diterima dengan dan melepasi 3 syarat kriteria Fuzzy Delphi iaitu nilai threshold (d) tidak melebihi atau sama dengan 0.2, peratus kesepakatan pakar melebihi atau sama dengan 75% dan nilai Defuzzication (alpha cut) melebihi atau sama dengan 0.5. Namun terdapat 2 item ditolak kerana mencatat nilai Defuzzication kurang dari 0.5. Kajian ini diharap dapat memberi idea baharu kepada institusi pendidikan dalam melahirkan pelajar yang menguasai bahasa Arab dan fungsinya dalam memahami hukum syarak.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Rekabentuk, Model, Bahasa Arab, Perundangan Islam, Naqli, Aqli.</p>	<p>the need for student mastery of Nahu titles and the function of Nahwiyyah in the construction of Law, (iii) Expert agreement regarding the need for student mastery of Balaghah topics and the function of Balaghiyyah in the construction of Law. Research findings based on expert consensus on almost all items were accepted with and passed the 3 conditions of the Fuzzy Delphi criteria, namely the threshold value (d) does not exceed or equal to 0.2, the percentage of the expert agreement exceeds or equals 75% and the Defuzzication value (alpha cut) exceeds or equal to 0.5. However, there are 2 items rejected because the Defuzzication value is less than 0.5. This study is expected to give new ideas to educational institutions in producing students who master the Arabic language and its function in understanding Islamic law.</p> <p><b>Keywords:</b> Model Design, Arabic Language, Islamic Legislation, Naqli, Aqli.</p>
---	--

## 1. PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa kepada dua sumber utama umat Islam iaitu al-Quran dan Hadith. Bahasa Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam sistem perundangan Islam. Ia merupakan pegangan orang-orang Islam dalam menentukan hukum ke atas sesuatu perkara dan permasalahan. Al-Syatibiyy (1992) menegaskan bahawa bagi mereka yang mengkaji bidang syariah sama ada usul atau cabangnya memerlukan kepada dua perkara, dan salah satunya adalah tidak bercakap pada sesuatu perkara itu sehingga dia mampu berbahasa Arab atau mampu menjadi seperti orang Arab. Oleh itu, penguasaan bahasa Arab yang baik adalah salah satu syarat bagi seorang mujtahid. (Wahbah al-Zuhaili, 1998).

Dalam konteks akademik dan profesional, terdapat keperluan untuk memahami Bahasa Arab dengan cara yang sesuai dengan keperluan khusus suatu bidang seperti perundangan Islam. Merancang dan membina model

Bahasa Arab yang berfokus pada konteks perundangan Islam dilihat sangat membantu dalam mempersiapkan mahasiswa atau profesional untuk memahami, menganalisis, dan menerapkan hukum-hukum syarak dengan lebih efektif dan tepat.

Antara kajian terawal berkaitan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus ini adalah kajian yang ditulis oleh Abdul Rahman Chik (1988) bertajuk *“Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP) In Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University”*. Kajian ini menumpukan kepada pengajaran kemahiran membaca bahasa Arab untuk para pelajar Kuliyyah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Terdapat kajian lain juga yang ditulis oleh Nadwah Bt. Haji Daud (1998) yang bertajuk *“Taalim al Lughah al Arabiah li Aghradh Ilmiyyah, Bina Wihdaat Dirasiyyah li al-Ta’lim al-Arabiyyah li al-Mutakhassisiin fi al-Fiqh”*. Kajian ini mengemukakan asas-asas pengajaran bahasa Arab. Rangka piawaian dalam membina modul Bahasa Arab untuk tujuan Fiqh (hukum Islam) yang disebutkan dalam kajian ini menunjukkan beberapa prinsip penting yang menjadi dasar dalam penyusunan modul ini, terutama terkait dengan topik-topik ibadah seperti solat, puasa, dan haji. Satu kajian yang berkaitan pembinaan modul bahasa Arab untuk pelajar jurusan Syariah Islamiyyah bertajuk *“Tasmim Wihdat Dirasiah li Taalim al Lughah al Arabiah Li al Talabah al Mutakhassisin fi al Syariah al Islamiah bi Kuliyyah Ahmad Ibrahim li Al Qanun bi al Jamiah al Islamiah al alamiah bi Malizia”* ditulis oleh Kadir M.N (2005). Kajian ini bertujuan untuk menambahbaik modul bahasa Arab sedia ada dengan memilih teks-teks yang berkaitan dengan Undang-Undang Syariah serta menumpukan kepada kemahiran membaca, menulis, dan memahami istilah-istilah hukum.

Antara kajian lain juga seperti yang ditulis oleh Abdul Qadir Abd Rahman al-Sa’di (2019) bertajuk *“Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al- Lughawiyah fi Istibat ahkam min Ayaat al-Quran al-Tasyriyyah”*. Kajian ini tertumpu pada kesan tatabahasa dan linguistik dalam proses istinbat hukum. Para fuqaha Syariah memperoleh keputusan perundangan Islam dari teks-teks Al-Qur'an dan menyebutnya dengan bukti tatabahasa dan linguistik. Terdapat kajian lain yang ditulis oleh Fatehah syahat (t.t) bertajuk *“Dalalah Nahwiyyah Wa Atharuha Fi Intinbat Al-Ahkam Min Al-Quran Al-Kareem”*. Kajian ini menerangkan usaha-usaha ulama dalam mengkaji kepentingan tatabahasa Arab dan kesannya terhadap memahami makna nas al-Quran dan istibat hukum syara' daripadanya. Kajian ini tertumpu kepada peranan I'krab dan perbezaan baris dalam pembinaan sesuatu hukum berkaitan.

Namun begitu, reka bentuk modul-modul sebelum ini tidak memberikan pendedahan kepada pemahaman tatabahasa (Nahu) dan retorik (Balaghah) serta fungsi kedua-duanya dalam konteks pembinaan hukum secara dengan menggabungkan ilmu Aqli dan Naqli dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pentafsiran hukum Islam, fungsi tatabahasa dan balaghah dalam Bahasa Arab menjadi sangat penting untuk memahami inti dan implikasi dari suatu teks hukum. Ini membantu para mahasiswa atau profesional dalam merumuskan sesuatu hukum dengan tepat berdasarkan pemahaman yang mendalam terhadap teks-teks hukum tersebut.

Maka, bagi membina modul ini, kaedah *Delphi* adalah suatu pendekatan yang sesuai digunakan dalam penelitian untuk mengumpulkan data atau informasi dari sekumpulan pakar dalam bidang berkaitan. Pendekatan ini bertujuan untuk mencapai konsensus atau kesepakatan di antara para pakar terkait suatu isu atau topik yang sedang dikaji. (Ahmad et al., 2014). FDM memungkinkan untuk mencapai konsensus dalam situasi di mana ada perbezaan pendapat yang cukup signifikan di antara para pakar. Dengan menggunakan konsep FDM dapat membantu menemukan titik kesepakatan yang dapat diterima oleh sebahagian besar pakar meskipun terdapat keragaman pendapat.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Keterbatasan dalam penguasaan Bahasa Arab dapat menjadi hambatan besar bagi mahasiswa dalam memahami isi dan mengambil hukum-hukum dari teks-teks tersebut. Masalah pada zaman ini, perhatian kita menjadi terlalu sedikit dan singkat untuk mengetahui kaedah-kaedah bahasa Arab dan mengetahui kepentingannya dalam memahami sesuatu nas dan tujuan-tujuannya (Saadeddine, 2017). Pengetahuan secara mendalam tentang kaedah-kaedah Bahasa Arab seperti Nahu (Tatabahasa), Sorof (Morfoloji), dan Balaghah (Retorika) menjadi kunci dalam memahami nas dan tujuan-tujuannya. Menurut Yuslina Mohamed et al. (2020), kesulitan dalam mengeluarkan hukum dari sumber-sumber turath (warisan ilmu) menjadi masalah yang perlu diatasi dikalangan pelajar. Kajian itu juga menunjukkan bahawa 30% daripada pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sangat bersetuju dan 70% bersetuju agar bahasa Arab untuk Ulum Islamiyyah diperkenalkan. Mereka mengatakan bahawa ianya sangat perlu untuk membantu pelajar memahami kandungan perbahasan ilmu-ilmu Islam.

Selain itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh Ummu Hani et.al (2023) yang bertajuk "*Analisis Keperluan Pembinaan Rekabentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli*" mendapati bahawa majoriti daripada responden dari kalangan pelajar jurusan Syariah dan

Undang-undang di USIM sudah memahami beberapa tajuk-tajuk berkaitan ilmu Nahu dan dalalahnya serta fungsinya dalam pembinaan hukum syarak. Manakala sebahagian lain daripada mereka masih tidak pasti dan masih belum memahaminya dengan baik. Adapun ilmu Balaghah menunjukkan bahawa majoriti responden masih tidak pasti dengan tahap pemahaman mereka dalam kebanyakan tajuk-tajuk berkaitan ilmu Balaghah dan dalalahnya.

Oleh itu, satu model baharu yang lebih terperinci dan menyeluruh perlu dibangunkan untuk membantu pelajar menguasai kaedah-kaedah bahasa Arab serta fungsi dalalahnya dalam pembinaan sesuatu hukum syarak.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli berdasarkan konsensus pakar.

### 4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah terdapat konsensus pakar dalam setiap item dalam pembinaan reka bentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli.

### 5. METODOLOGI KAJIAN

#### 5.1 *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method* (FDM) dengan mengedarkan soal selidik kepada pakar untuk mendapatkan konsensus mereka terhadap kandungan yang diperlukan dan beberapa cadangan dan penambahbaikan dalam reka bentuk model. Metodologi ini menggunakan teori *fuzzy set* yang telah digabungkan ke dalam pendekatan klasik *Delphi*. Teknik ini adalah untuk mengurangkan ketidakpastian, ketidakkonsistenan, dan ketidakteraturan dalam pendapat pakar dan dalam masa sama, untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan keberkesanan dalam membuat keputusan. Terdapat 2 perkara utama dalam teknik *Fuzzy Delphi* iaitu; 1) Pernomboran segitiga *Fuzzy* (*Triangular Fuzzy Numbers*), 2) Penilaian *Fuzzy* (*Fuzzy Evaluation*).

## 5.2 Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini. Soal selidik mengandungi tiga elemen; (i) Kesepakatan pakar secara umum berkenaan tahap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan oleh pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang, (ii) Kesepakatan pakar mengenai keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi Dalalah Nahwiyyah dalam pembinaan Hukum, (iii) Kesepakatan pakar mengenai keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Balaghah dan Fungsi Dalalah Balaghiyyah dalam pembinaan Hukum.

Selain itu, ruang cadangan dan penambahbaikan juga disediakan dalam soal selidik ini untuk mendapatkan input tambahan dan item-item yang diperlukan untuk membina model yang sesuai dan lebih lengkap. Cadangan daripada pakar-pakar akan dibincangkan pada akhir bahagian dapatan kajian ini.

## 5.3 Proses Pengumpulan Data

Pengkaji melaksanakan beberapa langkah bagi mengumpul data kajian menggunakan soal selidik seperti:

### **Langkah 1:** Membina soal selidik untuk pakar

Soal selidik ini dibentuk berdasarkan dari analisis kandungan kitab-kitab berkaitan kajian antaranya karangan:

- a. Abdul Qadir Abd Rahman al-Sa'di (2019) bertajuk "*Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al-Lughawiyah fi Istinbat ahkam min Ayaat al-Quran al-Tasyriyyah*".
- b. Abdullah Abdul Ghani Sarhan (2020) bertajuk "*Al-Balaghah Al-Quraniyyah Wa Atharuha Fi Istinbat Al-Ahkam Al-Syar'iyah*".

Selain itu, dapatan kajian kepada analisis keperluan yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini yang bertajuk "*Analisis Keperluan Pembinaan Reka bentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli*" dan beberapa dapatan kajian lepas juga dijadikan rujukan dalam membina soal selidik ini.

## Langkah 2: Pemilihan pakar


Pengkaji membuat pemilihan pakar untuk menjawab soal selidik yang telah di bina. Seramai 3 orang pakar dipilih mengikut bidang kajian pengkaji iaitu bidang Bahasa Arab dan pedagogi, Syariah dan Undang-Undang. Semua pakar mempunyai pengalaman dalam bidang kepakaran melebihi 5 tahun.

## Langkah 3: Edaran soal selidik kepada pakar.

Pengkaji telah menghubungi pakar melalui e-mel. Selepas mendapat maklum balas daripada pakar, pengkaji memaklumkan maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji untuk memudahkan pakar menjawab soal selidik. Borang soal selidik di hantar kepada semua pakar melalui e-mail menggunakan *google form* berserta *Uniform Resource Locator (URL)*.

## Langkah 4: Menukar pemboleh ubah linguistik

Proses ini melibatkan penukaran skala pemboleh ubah linguistik kepada penomboran segi tiga Fuzzy (*Triangular Fuzzy Numbers*). *Triangular Fuzzy Number* adalah diwakili nilai  $m_1$  iaitu nilai terendah,  $m_2$  iaitu nilai sederhana dan  $m_3$  iaitu nilai tertinggi. *Triangular Fuzzy Number* digunakan untuk menghasilkan skala Fuzzy yang menggunakan skala Likert bagi menterjemah pemboleh ubah linguistik kepada nombor Fuzzy. Rajah 1 menunjukkan graf segi tiga min melawan nilai *Triangular* iaitu ketiga-tiga nilai dalam *Triangular Fuzzy Number*.



**Rajah 1.** Graf segi tiga min melawan nilai *Triangular*. (Mohd Ridhuan & Nurul Rabihah, 2021)

## Langkah 5: Menganalisis data

Pengkaji menganalisis soal selidik yang telah dijawab oleh pakar-pakar dengan menggunakan kaedah excel *fuzzy-delphi-analysis-v2-01*. Analisis data FDM hendaklah memenuhi tiga syarat utama FDM iaitu:

- a. Nilai *threshold* (d) tidak melebihi atau sama dengan 0.2, (Cheng & Lin, 2002).
- b. Peratus kesepakatan pakar mestilah melebihi atau sama dengan 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 1995)
- c. Nilai *defuzzification* (*alpha cut*) hendaklah melebihi atau sama 0.5 (Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006).

## 6. DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga elemen yang diperlukan bagi membina reka bentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli iaitu (i) Kesepakatan pakar terhadap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan oleh pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang, (ii) Kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi *Dalalah Nahwiyyah* dalam pembinaan Hukum, (iii) Kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Balaghah dan Fungsi *Dalalah Balaghiyyah* dalam pembinaan Hukum. Pengkaji akan membincangkan dapatan bagi setiap item tersebut bagi mereka bentuk Model ini.

### 6.1 Kesepakatan pakar terhadap tahap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan oleh pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang.

**Jadual 1.** Kesepakatan pakar terhadap tahap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan oleh pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang.

Bil.	Perkara	Nilai Threshold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar
1.	Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab pada tahap dapat memahami pertuturan orang Arab.	0.068	100.0%	0.900	TERIMA
2.	Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab pada tahap dapat memahami teks Arab.	0.000	100.0%	0.967	TERIMA
3.	Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab dengan tahap pertengahan.	0.490	0.0%	0.256	TOLAK



4.	Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab pada tahap dapat memahaminya dengan fahaman yang betul dan berupaya merujuk perkara berkaitan bahasa dari segi makna dan sumbernya.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
5.	Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab dengan menguasai dan mendalaminya sehingga tahap Ijtihad	0.572	33.33%	0.567	TOLAK

Jadual 1 menunjukkan hasil kesepakatan pakar terhadap tahap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan oleh pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang. Jadual ini mencatat kesepakatan kumpulan pakar pada item 1, 2 dan 4 kerana memenuhi kesemua syarat kriteria yang telah ditetapkan. Namun terdapat penolakan terhadap 2 item, iaitu item 3 dan 5. Item 3 (Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab dengan tahap pertengahan) tidak memenuhi kesemua syarat kriteria yang telah ditetapkan kerana tidak menepati syarat *Triangular Fuzzy Numbers* dengan nilai *Threshold* (d) melebihi 0.2 (0.490) dan peratus kesepakatan pakar kurang dari 75% (0%) dan nilai *Defuzzification* kurang dari 0.5 (0.256). Manakala item 5 (Pelajar berpengetahuan dalam bahasa Arab dengan menguasai dan mendalaminya sehingga tahap Ijtihad) juga ditolak kerana mencatat nilai *Threshold* (d) melebihi 0.2 (0.572) dan peratus kesepakatan pakar kurang dari 75% (33.33%) dan nilai *Defuzzification* kurang dari 0.5 (0.567).

## 6.2 Kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi Dalalah Nahwiyyah dalam pembinaan Hukum.

**Jadual 2.** Kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi *Dalalah Nahwiyyah* dalam pembinaan Hukum.

Item / Elemen	Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar
Memahami asas-asas kaedah	0.068	100.0%	0.933	TERIMA

Nahu.				
Kemampuan mengi'krab ayat-ayat pendek.	0.068	100.0%	0.900	TERIMA
Kemampuan mengi'krab ayat-ayat Panjang.	0.068	100.0%	0.900	TERIMA
Memahami Huruf al-Jaar (حروف الجر) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami Huruf al-'Athof (حروف العطف) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami al- Dhomir (الضمير) dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami al-Mausul (الموصول) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami Nakirah (النكرة) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami Makrifah (المعرفة) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami Kana (كان) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami al-Zorf (الظرف) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami al-Istisna (الاستثناء) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami al-Hal (الحال) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-Idhafah (الإضافة) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA
Memahami al-Na't (النعته) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-Badal (البدل) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-Amr (الأمر) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.933	TERIMA

Memahami al-Syart (الشرط) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-'Adad (العدد) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi *Dalalah Nahwiiyyah* dalam pembinaan Hukum. Dapatan kajian merekodkan penerimaan kumpulan pakar terhadap semua item dengan melepasi 3 syarat kriteria *Fuzzy Delphi* iaitu nilai *threshold* (d) tidak melebihi atau sama dengan 0.2 (0.068), peratus kesepakatan pakar melebihi atau sama dengan 75% (100%) dan nilai *Defuzzication* (*alpha cut*) melebihi atau sama dengan 0.5 (0.900).

### 6.3 Kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk *Balaghah* dan Fungsi *Dalalah Balaghiyyah* dalam pembinaan Hukum.

**Jadual 3.** Kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk *Balaghah* dan Fungsi *Dalalah Balaghiyyah* dalam pembinaan Hukum.

Item / Elemen	Nilai <i>Threshold</i> , d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar
Memahami al-Ta'qdim al-Ta'khir (التقديم والتأخير) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.0%	0.900	TERIMA
Memahami al-Ijaz (الإيجاز) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.0%	0.900	TERIMA
Memahami al-Itnab (الإطناب) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.0%	0.900	TERIMA
Memahami al-Tasybih (التشبيه) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-Majaz al-Lughawi (المجاز اللغوي) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-Majaz al-Mursal (المجاز المرسل) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA

Memahami al-Isti'arah (الاستعارة) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA
Memahami al-Kinayah (الكناية) dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	0.068	100.00%	0.900	TERIMA

Jadual 3 menunjukkan hasil kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Balaghah dan Fungsi *Dalalah Balaghiyyah* dalam pembinaan Hukum. Kesemua item diterima dengan penuh persetujuan daripada pakar, dan konsensus mereka dapat dilihat melalui nilai *threshold* (d), skor *Fuzzy* dan peratus yang mencapai tahap konsisten iaitu (0.068), (0.9) dan 100%.

Walaupun hampir kesemua item soal selidik ini diterima oleh pakar-pakar, namun terdapat beberapa cadangan dan penambahbaikan yang diutarakan untuk melengkapi model yang hendak dibina ini. Antara cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pemetaan kaedah-kaedah yang dipelajari; peta minda, peta alir, peta buih.
- ii. Latih tubi dan kursus intensif
- iii. Gamifikasi untuk tujuan pengukuhan
- iv. Penggunaan kitab turath dan moden
- v. Penggunaan kaedah analogi
- vi. Penggunaan laras bahasa yang sesuai
- vii. Model pembelajaran untuk tahap pertengahan & ke arah tahap tinggi.
- viii. Mengaitkan khilafat *lughawiyah* dan fungsinya dalam pembinaan hukum syarak

## 7. PERBINCANGAN

Dalam FDM, sesuatu data hendaklah memenuhi tiga syarat utama FDM iaitu (i) nilai *threshold* (d) tidak melebihi atau sama dengan 0.2, (Cheng & Lin, 2002) (ii) peratus kesepakatan pakar mestilah melebihi atau sama dengan 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 1995) dan (ii) nilai defuzzification (alpha cut) hendaklah melebihi atau sama 0.5 (Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006). Sekiranya sesuatu data tidak memenuhi salah satu daripada ketiga-tiga kriteria ini, maka ia ditolak.

Hasil daripada analisis FDM dalam fasa ini, terhasil satu reka bentuk model bahasa Arab untuk perundangan Islam melalui integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Keputusan analisis terhadap kesepakatan dan konsensus pakar menunjukkan nilai kesepakatan berada pada tahap yang baik. Ini menunjukkan FDM boleh digunakan untuk mendapatkan persetujuan pakar yang bertindak sebagai responden berdasarkan penggunaan kaedah kuantitatif. Oleh yang demikian, kajian ini berjaya menjawab persoalan kajian iaitu adakah terdapat konsensus pakar dalam setiap item dalam pembinaan reka bentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli.

Dapatan kajian bagi kesepakatan pakar terhadap tahap pengetahuan bahasa Arab yang diperlukan oleh pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang menunjukkan item 3 dan 5 tidak memenuhi kesemua syarat kriteria FDM. Secara ringkas, ini mencerminkan ketidaksepakatan dan penolakan dalam kalangan pakar berkenaan keperluan pengetahuan bahasa Arab pada tahap pertengahan dan kemampuan pelajar dalam menguasai bahasa Arab hingga tahap Ijtihad. Ini menunjukkan bahawa pakar berpandangan bahawa penguasaan bahasa Arab tidak cukup hanya pada tahap pertengahan, tetapi perlu sehingga tahap tinggi agar dapat memahami kaedah bahasa Arab dengan fahaman yang betul dan berupaya merujuk perkara berkaitan bahasa dari segi makna dan sumbernya. Namun begitu penguasaan ini tidaklah sehingga tahap mampu berijtihad.

Selain itu, keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Nahu dan Fungsi *Dalalah Nahwiyyah* dalam pembinaan Hukum menunjukkan konsensus yang tinggi dalam kalangan pakar. Ini bermaksud pakar amat bersetuju bahawa pelajar perlu untuk menguasai tajuk-tajuk Nahu yang berkaitan dengan pembinaan hukum seperti Huruf Jaar, Huruf 'Atof, Dhomir, Hal, Istithna', Syart dan beberapa tajuk lain.

Kajian ini juga dijalankan untuk menentukan kesepakatan pakar terhadap keperluan penguasaan pelajar terhadap tajuk-tajuk Balaghah dan Fungsi *Dalalah Balaghiyyah* dalam pembinaan Hukum. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item mendapat kesepakatan pakar dan item-item ini diperlukan oleh pelajar untuk menguasai tajuk-tajuk Balaghah dan Fungsi *Dalalah Balaghiyyah* seperti *al-Taqdim wa al-Ta'kir*, *al-Itnab*, *al-Ijaz*, *al-Tashbih*, *al-Majaz*, *al-Isti'arah* dan *al-Kinayah*.

## 8. PENUTUP

Kajian ini bertujuan mereka bentuk pembangunan model bahasa Arab untuk perundangan Islam melalui integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Sebelum

model dibangunkan, satu analisis dijalankan bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap kandungan yang diperlukan. Hasil dapatan kajian ini dijadikan input bagi mereka bentuk model bahasa Arab yang sesuai digunakan khususnya kepada pelajar jurusan Syariah dan Undang-undang dalam melahirkan pelajar yang menguasai bahasa Arab dan fungsinya dalam memahami hukum syarak. Dengan adanya model ini, dapat memberikan dimensi baharu dalam pembinaan modul bahasa Arab khusus untuk pelajar Syariah dan Undang-undang.

## **9. PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pusat pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) atas pembiayaan geran penyelidikan yang telah didaftarkan di bawah kod PPPI/TAMHIDI/0122/USIM/16122.

## 10. RUJUKAN

- Abdullah Abdul Ghani Sarhan. (2020). *Al-Balaghah Al-Quraniyyah Wa Atharuha Fi Istinbat Al- Ahkam Al-Syar'iyah*. Qaheerah: Mufakkiruun Al-Dauliyyah Li Al-Nasyr Wa Al-Tauzii'.
- Abdul Rahman Chik. (1988). *Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP) In Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University*. England: Department of Modern Language, University of Salford.
- Ahmad, Z., Muhidin, M., Wasli, P., Salihin, M., Fauzi, H. M., Ridhuan, M., Jamil, M., & Siraj, S. (2014). Fuzzy Delphi analysis for future environmental education using interactive animation. *Nd International Seminar Teaching Excellence and Innovation*, 2014 (February).
- Al-Sa'di, Abdul Qadir Abd Rahman. (2019). *Athar Al-Dalalah Al-Nahwiyyah Wa Al-Lughawiyah Fi Istinbat Ahkam Min Ayaat Al-Quran Al-Tasyriyyah*. Damsyik: Dar Sa'd Al-Deen.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy numbe. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7),879-891.
- Cheng, C., & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research*,142, 174-186.
- Chu, H. C., & Hwang, G. J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*, 34(8), 26-40.
- Fatehah Syahat. (t.t), *Al-Dalalah Al- Nahwiyyah Wa Atharuha Fi Istinbat Al-Ahkam Min Al-Quran Al- Kareem Jami'ah Ibnu Khaldun*. Taayarat: Al-Jazair.
- Kadir M.N .(2005), *Tasmim Wihdat Dirasiah Li Taalim Al Lughah Al Arabiah Li Al Talabah Al Mutakhassisin Fi Al Syariah Al Islamiah Bi Kuliyyah Ahmad Ibrahim Li Al Qanun Bi Al Jamiah Al Islamiah Al Alamiah Bi Malizia*. Tesis Sarjana Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Mohd Ridhuan & NurulRabihah. (2021). Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan. Qaisar Prestige Resources.
- Murry, J., & Hammons, J. (1995). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. *Review of Higher Education*, 18(4), 23-36.
- Nadwah Bt. Haji Daud. (1998). Taalim Al Lughah Al Arabiah Li Aghradh Ilmiyyah, Bina Wihdaat Dirasiyyah Li Al-Ta'lim Al-Arabiyyah Li Al-Mutakhassisiin Fi Al-Fiqh . Disertasi Master Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. UIAM: Kulliyah Ma'arif al-Wahyi Wa al-Ulum al-Insaniyyah.
- Saadeddine. (2017). Syawahid Al-Lughah Wa Atharuha Fi Istibat Al-Ahkam Dirasah Dalaliyyah. *Journal of al-Zhakhirah*, 1 (2), 124-159.
- Al-Shatibiyy, Ibrahim bin Musa. (1992). Al-I'tisam. Arab Saudi: Dar Ibn Affan.
- Tang, C. W., & Wu, C. T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: A voice from inside the university, *Springer. Higher Education*, 60, 269-286.
- Ummu-Hani Abas., Azlan Shaiful Baharum., Abdul Manan Ismail., Mohammad Najib Jaffar., Ahmad Asyraf Mat Ali., Rasmina Binti Hasbullah. (2023), Analisis Keperluan Pembinaan Rekabentuk Model Bahasa Arab Untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 28 (2), May 2023, 171.
- Yuslina Mohamed., Mesbahul Hoque., Sulaiman Ismail., Nurhasma Muhamad Saad. (2020). Keperluan Bahasa Arab Ulum Islamiyyah Dari Perspektif Pensyarah. *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari. Universiti Sultan Zainal Abidin. Vol.20 (3)*, 120-134.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1998), *Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

**Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.